



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# KENYATAAN MEDIA

## NRECC PANDANG SERIUS CADANGAN PENGUBAHAN RANCANGAN PEMAJUAN KSAS DI NEGERI KELANTAN

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) memandang serius dan secara dasarnya tidak bersetuju terhadap keputusan Negeri Kelantan untuk melaksanakan cadangan perubahan kepada Pelan Pembangunan yang berkaitan dengan pengubahsuaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di negeri tersebut.

Kerajaan Negeri Kelantan semasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kelantan kali ke 22/2020 pada 21 Oktober 2020 telah memutuskan supaya Kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), kecuali kawasan punca air atau tadahan air, tidak lagi diklasifikasikan sebagai KSAS di Negeri Kelantan.

Pelaksanaan keputusan ini masih di peringkat draf Pengubahan Rancangan Pemajuan di Negeri Kelantan di mana Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Kelantan sedang melaksanakan Program Publisiti dan Penyertaan Awam bermula pada 11 Oktober 2023 hingga 11 November 2023.

Keputusan pengubahsuaian KSAS ini secara langsung akan memberikan implikasi yang besar kepada perkara-perkara berikut:

1. Menjejaskan dasar Kerajaan dalam mencapai 50% keluasan tanah berhutan di Semenanjung Malaysia selaras dengan polisi Rancangan Fizikal Negara (RFN). Pengekalan HSK sebagai KSAS akan

memastikan kawasan tersebut tidak boleh dibangunkan secara sewenang-wenangnya pada masa hadapan. Selain itu, Cadangan pengeluaran KSAS di Jajahan Gua Musang dikhawatiri akan menjelaskan status Taman Negara Kelantan;

2. Menurut satu laporan di media sosial, pengeluaran daripada jumlah KSAS sedia ada dari Jajahan Jeli dan Gua Musang adalah hampir 88% dan ini akan menjelaskan rangkaian ekologi Central Forest Spine dan keseimbangan ekosistem di Negeri Kelantan kerana kawasan tersebut merupakan KSAS Tahap 1 yang merangkumi Kawasan Perlindungan sedia ada. Populasi Harimau Malaya dan lain-lain spesies di Kelantan termasuk gajah, seladang dan tapir akan terjejas disebabkan oleh kehilangan habitat selain menjelaskan pergerakan haiwan-haiwan tersebut dari negeri-negeri bersebelahan iaitu dari Perak, Pahang dan Terengganu. Kehilangan habitat akan meningkatkan konflik manusia dan hidupan liar yang menyebabkan kerugian akibat kemusnahan hasil tanaman dan kerosakan harta benda serta kehilangan nyawa. Sebagai contoh, bagi tempoh 1996 hingga 2023, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia telah menangkap sebanyak 24 ekor gajah konflik di kawasan Kuala Krai, Kelantan dan memindahkannya ke habitat yang lebih sesuai.

3. Tindakan ini dilihat akan memberi impak secara tidak langsung kepada morfologi sungai. Aktiviti guna tanah akan memberi kesan kepada pergerakan sedimen ke dalam sistem sungai dan seterusnya menyumbang kepada kekeruhan sungai. Pergerakan sedimen akan menyebabkan sungai menjadi cetek seterusnya menyebabkan kejadian banjir. Hujan di kawasan tinggi yang telah dibuka akan menyebabkan gelinciran tanah yang membawa lumpur, batang kayu dan batuan ke kawasan kaki bukit dan menyebabkan kepala air.

4. Penebangan hutan yang tidak terkawal hasil daripada pengubahsuaian KSAS juga dilihat dapat menyumbang kepada masalah banjir. Selama lebih dari satu dekad, Kelantan masih menghadapi isu banjir kilat dan fenomena itu dilihat semakin serius disebabkan oleh kemusnahan hutan akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal. Hutan berperanan sebagai "span semulajadi" dalam menyerap air hujan. Oleh itu, pokok memainkan peranan penting dalam menghalang aliran sedimen dan mengekalkan air, menjadikannya komponen penting dalam memelihara persekitaran yang stabil.

Jadi, NRECC ingin menekankan bahawa semua rancangan struktur yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah selaras dengan polisi di dalam RFN dan Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2040 sedia ada yang telah diwartakan pada 31 Disember 2020 dengan mengambilkira dan menetapkan KSAS selaras dengan RFN. Sebarang proses Pengubahan Rancangan Struktur Negeri Kelantan melibatkan KSAS yang tidak menepati polisi RFN akan bercanggah dengan penetapan dasar Kerajaan Persekutuan yang ditetapkan dalam RFN.

Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang disediakan bagi menilai impak projek pembangunan kepada alam sekitar perlu merujuk kepada rancangan pemajuan. Namun Laporan EIA tidak boleh diluluskan sekiranya ia tidak selaras dengan rancangan pemajuan yang diwartakan.

Dalam hal ini, NRECC dan Jabatan/Agensi berkaitan akan mengemukakan bantahan rasmi kepada Kerajaan Negeri Kelantan berhubung perkara ini.

Selari dengan Dasar Perhutanan Malaysia dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030, NRECC sentiasa komited dalam

memastikan sumber hutan dan kepelbagaian biologi kita terus dijaga, diuruskan secara mampan dan digunakan secara bertanggungjawab.

Kementerian berpandangan bahawa kawasan sensitif alam sekitar ini sedia ada di Negeri Kelantan hendaklah terus dikekalkan dalam Rancangan Pemajuan (Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas) bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi serta kemampunan alam sekitar HSK di Negeri Kelantan dapat dipelihara.

Saya telah menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan menyatakan pandangan Kerajaan Persekutuan. Saya berharap agar Kerajaan Negeri Kelantan menimbang semula cadangan pengubahan Rancangan Pemajuan melibatkan KSAS di Negeri Kelantan tersebut dan bersama-sama dengan NRECC untuk memperkasakan pengurusan dan pembangunan hutan serta mengekalkan kawasan hutan sedia ada (*forest land remaining as forest land*) demi kelestarian alam sekitar.

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**27 Oktober 2023**

